



Najib **melihat model bangunan tapak Projek Legasi Baharu** pada Majlis Mesra Rakyat Kampung Baru, semalam.

[FOTO GHAZALI KORI/BH]

Kerajaan komited majukan Melayu Kampung Baru

» *Penduduk dinasihat tidak jual tanah selepas nilai hartanah meningkat: PM*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Nurhayati Abillah
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan komited memajukan Kampung Baru di sini sebagai lambang kemajuan masyarakat Melayu di tengah ibu kota, agar mereka tidak tercicir dari arus perdana kemajuan negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu melihat penduduk Kampung Baru dapat meraih pendapatan yang tinggi rentetan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan itu.

Beliau turut menasihati penduduk Kampung Baru supaya tidak menjual tanah selepas nilai hartanah yang di-

jangka meningkat selaras pelbagai projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan itu.

“Saya tak mahu Melayu sinonim tinggal di kawasan bertaraf setingan dan marhaen. Saya mahu lihat mereka sebagai komuniti maju dalam ekonomi dan status sosial yang boleh dibanggakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis mesra rakyat Kampung Baru, Legasi Kampung Baru di sini, semalam.

Serah sumbangan RM9.5j

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut menyempurnakan majlis pecah tanah projek perumahan UDA Holdings Berhad dan menyerahkan sumbangan sebanyak RM9.5 juta kepada mangsa tanah mendap Kampung Pindah, Kampung Baru.

Projek Legasi Kampung Baru dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM500 juta dimajukan UDA Holdings Berhad di tapak seluas 1.14 hektar (2.858 ekar).

Projek itu antara lain merangkumi pembinaan 639 unit kediaman dalam satu blok se-

tinggi 43 tingkat, 48 unit ruang niaga dan menara 30 tingkat.

Najib turut berkata, rancangan pembangunan di Kampung Baru turut memuatkan cadangan pembinaan sebuah pusat bandar dikenali Pusat Bandar Kampung Baru (KBCC) sebagai ‘core centre’ kawasan itu.

Perdana menteri berkata,

“**Saya tak mahu Melayu sinonim tinggal di kawasan bertaraf setingan dan marhaen. Saya mahu lihat mereka sebagai komuniti maju dalam ekonomi dan status sosial yang boleh dibanggakan**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pusat bandar itu akan mempunyai pejabat, hotel, kawasan persiaran dan infrastruktur moden lain.

Katanya, pembangunan lain yang dirancang, termasuk pembinaan pusat kraf tangan dan kesenian Melayu, pembinaan pintu gerbang yang menjadi identiti Kampung Baru dan pelebaran laluan.

Bandar dalam taman

“Pembangunan yang dirancang termasuk pembinaan bandar dalam taman supaya ia menjadi bandar lebih selesa dan selamat selain pembinaan tiga taman rekreasi,” katanya.

Perdana Menteri juga bersejua dengan cadangan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB), Datuk Affendi Zahari supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan pusat pentadbirannya di Jalan Raja Laut ke Kampung Baru.

“Saya rasa ini cadangan baik dan saya tak ada halangan dan saya beri sokongan. Bagaimanapun, saya serahkan perkara itu kepada Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor),” katanya